

101

SOALAN NO. 240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) bolehkah Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerangkan mengenai cadangan untuk menarik penyesuaian antara undang-undang Syariah dan undang-undang Sivil; dan

(b) bagaimanakah penyesuaian di atas mematuhi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, terutamanya undang-undang yang menjejaskan warganegara bukan Islam.

102

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyesuaian antara undang-undang Syariah dengan undang-undang sivil dibuat dengan mengambil kira peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sebagai contoh, penyesuaian undang-undang Syariah dan undang-undang sivil dibuat bagi membolehkan aktiviti muamalat yang berlandaskan Syariah diperuntukkan dalam undang-undang dan dikawal selia dengan sewajarnya antaranya dalam aktiviti pajak gadai Islam dan sewa beli Islam.

Selanjutnya, penyesuaian yang dibuat dalam undang-undang berhubung dengan perbankan dan kewangan Islam tidak menjejaskan warganegara bukan Islam kerana penyesuaian undang-undang tersebut hanya memberikan alternatif kepada sistem perbankan konvensional sedia ada.

Penyesuaian undang-undang Syariah dan undang-undang sivil yang dilaksanakan adalah selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Sebagai tambahan, penguatkuasaan undang-undang Islam hanya ke atas orang Islam.

Sekian, terima kasih.